Tema 18 Pentadbiran dan Politik

Kertas 1

Bahagian A Pemahaman Teks

Baca "Syair Pohon Buluh" halaman 6 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syair Pohon Buluh
Menara tinggi banyak ...,
... tak nampak alam.

1 Rangkap pertama syair ini bermaksud
- **A** tugas pihak berkuasa menjaga pelbagai bangunan yang bertingkat.
- **B** kebolehan pihak berkuasa menjalankan tugas dengan penuh komited.
- **C** pihak berkuasa menjaga keselamatan bangunan kepunyaan orang berpangkat tinggi.
- **D** pihak berkuasa menjalankan tugas dengan adil tanpa mengira pangkat atau darjat.

2 Nilai yang terdapat dalam rangkap pertama pantun ialah
- **A** keadilan.
- **B** keinsafan.
- **C** hemah tinggi.
- **D** kasih sayang.

Air tak tiris seperti kolam

3 Gaya bahasa bagi baris di atas ialah
- **A** simile.
- **B** inversi.
- **C** metafora.
- **D** personifikasi.

Besar kecil ikat binanya
Terlalu kuat pula asasnya

4 Berdasarkan baris syair di atas, golongan tua dan muda berperanan untuk
- **A** menjaga keselamatan bangunan milik kerajaan.
- **B** menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa.
- **C** menjaga pokok buluh di kawasan tempat tinggal.
- **D** memperkukuh perpaduan masyarakat melalui sikap bekerjasama.

5 Yang berikut merupakan kepentingan perpaduan, **kecuali**
- **A** mewujudkan kekuatan dalam sesebuah masyarakat.
- **B** perpaduan kaum akan mendatangkan kejayaan.
- **C** mewujudkan lebih banyak lagi golongan yang tertindas.
- **D** bersemangat untuk menangkis anasir jahat daripada pihak luar.

Info KOMSAS

Simile atau perbandingan ialah gaya bahasa yang membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Perbandingan menggunakan perkataan *bak, umpama, seperti* dan *laksana*.

LIVEWORKSHEETS